

PEMBAHAGIAN TAUHID

Kalimah Tauhid merupakan ungkapan yang seringkali didengar dan diungkap oleh masyarakat Islam. Ia menggambarkan tentang ikatan akidah Islam yang jelas terhadap Allah SWT. Oleh kerana itu, pembuktian kesaksian seseorang itu sebagai muslim wajib dengan menuturkan kalimah Syahadah. Ini kerana, di dalam Kalimah Syahadah tersebut terkandung pengertian dan makna Tauhid.

Tauhid bermaksud mengisbatkan atau menetapkan sifat Wahdaniyyah Allah Taala di dalam diri seseorang muslim. Dengan penetapan tersebut, seseorang hamba yang mukmin telah mengukuhkan di dalam dirinya tentang keEsaan Allah, RububiyahNya dan sifat – sifat kesempurnaanNya. Ini dapat dibuktikan di dalam Al Quran di mana Kalimah Tauhid menjadi titik pemisah di antara kufur dan iman. Firman Allah di dalam surah al An'am ayat 19 :

قُلْ أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَادَةً ۖ قُلِ اللَّهُ شَهِيدٌ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ ۖ وَأُوحِيَ إِلَيَّ هَذَا الْقُرْآنُ لِأُنذِرَكُمْ بِهِ وَمَنْ بَلَغَ ۖ أَأَنْتُمْ لَتَشْهَدُونَ أَنَّ مَعَ اللَّهِ آلِهَةً أُخْرَىٰ ۗ قُلْ لَا أَشْهَدُ ۖ قُلْ إِنَّمَا هُوَ إِلَهٌُ وَاحِدٌ وَإِنِّي بَرِيءٌ مِمَّا تُشْرِكُونَ

Bermaksud : Bertanyalah (wahai Muhammad): “Apakah sesuatu yang lebih besar persaksiannya?” (Bagi menjawabnya) katakanlah: “Allah menjadi Saksi antaraku dengan kamu, dan diwahyukan kepadaku Al-Quran ini, supaya aku memberi amaran dengannya kepada kamu dan juga (kepada) sesiapa yang telah sampai kepadanya seruan Al-Quran itu. Adakah kamu sungguh-sungguh mengakui bahawa ada beberapa tuhan yang lain bersama-sama Allah?” Katakanlah: “Aku tidak mengakuinya”. Katakanlah lagi: “Hanyasanya Dia lah sahaja Tuhan Yang Maha Esa, dan sesungguhnya aku adalah berlepas diri apa yang kamu sekutukan (dengan Allah Azza Wa Jalla)”.

Pembahagian Tauhid kepada tiga cabang iaitu Tauhid Uluhiyyah, Tauhid Rububiyah dan Tauhid Nama - nama serta sifat Allah merupakan suatu pembahagian yang baharu dan tidak pernah dikenali oleh para ulamak Salaf. Orang yang pertama menyebutkan pembahagian ini adalah Syeikh Ibnu Taimiyyah dan disusuli oleh mereka yang mengikuti manhaj yang sama sesudahnya. Secara kesimpulannya, apa yang boleh diambil daripada ucapannya, bahawa Tauhid Rububiyah bermaksud mentauhidkan Allah dari sudut perbuatanNya. Dengan ertikata yang lain, tiada siapapun yang mencampuri urusan Allah dalam mentadbir dan mengurus segala apa yang dikehendaki olehNya. Manakala Tauhid Uluhiyyah pula adalah mengEsakan Allah daripada perbuatan – perbuatan para hamba. Ia juga bermaksud menetapkan keimanan bahawasanya hanya Allah SWT sahaja yang layak disembah. Jika kedua-duanya terhimpun maka wujudlah perbezaan .

Namun, jika kedua – duanya terpisah maka ia akan bersatu matlamat dan maksudnya. Uluhiyyah Allah mengandungi pengertian Rububiyah, sementara bila disebut Rububiyah maka ia mestilah diiringi oleh Uluhiyyah. Pengertian seperti ini tidaklah memberikan permasalahan hukum. Ianya tidak lain hanyalah untuk memberikan perbezaan kefahaman apabila pengertian Tauhid tersebut dipisahkan.

Apabila wujudnya anggapan bahawa golongan Musyrikin mengiktiraf Tauhid Rububiyah maka ia akan menggambarkan seolah – oleh mereka juga mentauhidkan Allah SWT. Ini merupakan suatu kefahaman yang perlu segera diperbetulkan. Malah fahaman seumpama ini bertentangan dengan ijmak para ulamak.

Walaupun orang - orang Musyrikin mengiktiraf akan Rububiyah Allah SWT namun pengiktirafan mereka tidak diterima disebabkan oleh penolakan mereka terhadap Uluhiyyah Allah SWT. Begitu jugalah kepada umat Islam yang mengakui Uluhiyyah Allah SWT tetapi mereka tidak mengiktiraf Rububiyah Allah SWT, bererti iman mereka tertolak.

Bagi membuktikan kesahihan iman kita, mari sama -sama kita meneliti Firman Allah SWT tentang kaitan yang cukup rapat antara Uluhiyyah dan Rububiyah. Firman Allah SWT dalam surah Maryam, ayat 65:

رَّبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَاعْبُدْهُ وَاصْطَبِرْ لِعِبَادَتِهِ ۗ هَلْ تَعْلَمُ لَهُ سَمِيًّا

"Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya; oleh itu, sembahlah engkau akan Dia dan bersabarlah dengan tekun tetap dalam beribadat kepadaNya; adakah engkau mengetahui sesiapa yang senama dan sebanding denganNya?"

Ternyata daripada ayat di atas, menunjukkan bahawa Rububiyah dan Uluhiyyah tidak boleh dipisahkan. Barangsiapa yang beriman dengan Rububiyah Allah maka ia mestilah mengisbatkan Uluhiyyah Allah. Firman Allah yang lain di dalam surah ad Dhukhan ayat 8:

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ رَبُّكُمْ وَرَبُّ آبَائِكُمُ الْأَوَّلِينَ

Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia; Dia lah Yang menghidupkan dan Yang mematikan; (Dia lah jua) Tuhan kamu dan Tuhan datuk nenek kamu yang telah lalu.

Tiada menjadi kesalahan dan larangan dengan takrifan pembahagian tauhid seperti di atas, bahkan mungkin juga tauhid itu boleh dibahagikan kepada Tauhid Zat, Tauhid Sifat dan Tauhid Af a'l (perbuatan). Namun kesilapan yang berlaku adalah apabila timbul pemahaman dan anggapan bahawa Tauhid Rububiyah terpasak kuat di dalam dada orang – orang kafir. Pandangan seperti ini merupakan

pandangan yang ditolak dan batil. Jelas daripada dalil – dalil di atas menunjukkan tiada pemisahan antara kedua -dua tauhid tersebut.

Ada yang berpendapat bahawa wujud pengiktirafan tentang Rububiyah Allah dari kalangan musyrikin. Ini berdasarkan kepada ayat di dalam surah az Zukhruf ayat 87:

وَلَيْنِ سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَهُمْ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ طَفَّانِي يَأْتِي يُؤْفِكُونَ

Maksudnya: Dan demi sesungguhnya! Jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka: "Siapakah yang menciptakan mereka?" Sudah tentu mereka akan menjawab: "Allah!" (Jika demikian) maka bagaimana mereka rela dipesongkan (dari menyembah dan mengesakanNya)?

Ayat ini telah pun diperjelaskan oleh para ulamak Kalam dan Tafsir bahawa pengakuan mereka adalah umpama pengakuan seorang pelarian yang tiada ruang untuk melarikan diri dari menjawab persoalan tersebut kerana jelasnya akan hakikat kebenaran.

Jawapan tersebut bukanlah merujuk kepada pengiktirafan atau pengakuan ikhlas yang hakiki daripada lubuk hati mereka. Tiada seorang pun yang mampu menolak bahawa Allah lah Pencipta, Pemberi rezeki dan Tuhan yang mentadbir disebabkan jelasnya bukti – bukti dan persaksian pada diri dan ufuk.

Terdapat juga di dalam al Quran ayat yang membatalkan dakwaan bahawa orang - orang kafir beriman dengan Tauhid Rububiyah bahkan terbukti sebaliknya. Mereka mensyirikkan Rububiyah Allah SWT kerana kepercayaan mereka bahawa Allah bersama dengan tuhan tuhan yang banyak. Ini disebutkan di dalam surah Yusuf ayat 39

يَا صَاحِبِي السِّجْنِ أَأَرْبَابٌ مُتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمْ اللَّهُ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ

Maksudnya : "Wahai sahabatku berdua yang sepenjara, memuja dan menyembah berbilang-bilang tuhan yang bercerai-berai itukah yang lebih baik atau menyembah Allah Tuhan Yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa?

Begitu juga surah al Imran ayat 80 :

وَلَا يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَتَّخِذُوا الْمَلَائِكَةَ وَالنَّبِيِّينَ أَرْبَابًا ۗ أَيَأْمُرُكُمْ بِالْكُفْرِ بَعْدَ إِذْ أَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Maksudnya : Dan ia tidak pula patut menyuruh kamu menjadikan malaikat dan Nabi-nabi sebagai tuhan-tuhan. Patutkah ia menyuruh kamu dengan kekufuran sesudah kamu menjadi orang Islam?

Surah at Taubah ayat 31:

اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا ۗ لَّا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ۚ سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ

Maksudnya : Mereka menjadikan pendita-pendita dan ahli-ahli agama mereka sebagai pendidik-pendidik selain dari Allah, dan juga (mereka mempertuhankan) Al-Masih ibni Maryam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan.

Justeru itu, perlu untuk ditegaskan bahawa pembahagian tauhid di atas tujuan mengajar dan memberi kefahaman maka tiadalah kesalahannya. Sebaliknya jika pembahagian tersebut menjadikan anggapan bahawa golongan musyrikin beriman dengan Rububiyah Allah maka ia merupakan sesuatu kesalahan yang amat bercanggah dengan apa yang telah sabit di dalam al Quran al Karim.

Secara kesimpulannya, Rububiyah adalah salah satu sifat Allah SWT dan bukanlah merupakan salah satu bahagian di dalam pengertian tauhid. Ini kerana kalimah Rabb adalah di antara nama – nama Allah atau Asmaul Husna yang telah disepakati oleh para ulamak.

Rujukan :

Darul Ifta' Mesir

Darul Ifta' Jordan

Kitab : بدع السلفية الوهابية في هدم الشريعة الإسلامية